

CNS0362

U PB 20-01 00204 BH371

aab

Mahathir - Umno

UMNO TIDAK PERLU ANGGOTA YANG TIDAK KOMITED, DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti itu tidak memerlukan anggota yang tidak komited dan tidak mahu berpegang kepada prinsip-prinsip demokrasi.

Katanya, tindakan Tun Datu Mustapha Datu Harun meletak jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah dan keluar daripada parti menunjukkan bahawa bekas anggota Majlis Tertinggi Umno itu tidak berpegang kepada semangat demokrasi.

"Kita tidak perlu orang yang tidak komited," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancar buku "Voices of Malaysia", "Suara Keprihatinan Malaysia" dan "Bosnia : Testament to War Crimes As Told By Survivors" di Bangunan Parlimen di sini.

Tun Mustapha, dalam surat terbukanya yang diedarkan kepada wartawan menerusi anaknya, Datu Badaruddin, di Kota Kinabalu semalam, menyatakan beliau keluar daripada UMNO kerana "tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan parti di peringkat negeri".

Ketika diminta mengulas tindakan Mustapha itu, Dr Mahathir juga berkata bahawa adalah menjadi hak bagi Tun Mustapha untuk keluar parti dan meletakkan jawatan sebagai Menteri Kabinet.

Bagaimanapun, katanya, tindakan Tun Mustapha untuk keluar daripada Umno itu tidak akan menjejaskan peluang Barisan Nasional pada pilihan raya negeri Sabah bulan depan. -- lagi

▼20/01/19-45MST

CNS0382

U PB 20-01 00097 BH376

aab

Mahathir - Umno 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Umno perlu anggota yang komited dan tidak bertindak keluar daripada parti sewenang-wenangnya.

Katanya: "Dalam Umno tentu ada pendapat yang berbeza-beza. Hanya kerana pendapat yang berbeza, kita tidak boleh tinggalkan Umno sesuka hati.

"Kalau Tun Mustapha percaya pada demokrasi dan fahaman majoriti...kalau majoriti mengambil pendirian, sepatutnya minoriti ikut, bukan keluar.

"Kalau keluar, kita tidak pegang pada demokrasi," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerajaan belum bercadang untuk melantik pengganti bagi jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah. -- lagi

▼20/01/20-02MST

CNS0391

U PB 20-01 00088 BH377

aab

Mahathir - Umno 3 (akhir) Kuala Lumpur

Menjawab soalan, Dr Mahathir juga berkata ura-ura mengenai PBS ingin menyertai semula Barisan Nasional sememangnya sudah lama dan PBS, yang keluar daripada BN menjelang pilihan raya umum 1990, "memang sudah lama" berminat.

Bagaimanapun, katanya, BN tidak boleh sewenang-wenangnya menerima PBS, yang menurut beliau, telah menikam BN dari belakang pada pilihan raya lepas.

"Kita kena tahu setakat mana komitmen mereka dan apakah bukti komitmen mereka," kata Perdana Menteri. -- Bernama

AZG SIA

▼20/01/20-15MST